

19 MAR 2003

KADA-Peruntukan

KADA PERLU TAMBAHAN RM1 JUTA PERLUASKAN "LADANG MERDEKA"

PASIR MAS, 19 MAR (Bernama) -- Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA) memerlukan tambahan peruntukan sebanyak RM1 juta daripada kerajaan pusat bagi membantu memperluaskan lagi program Ladang Merdeka di Kelantan, satu program bagi membangunkan tanah terbiar negeri itu.

Pengerusi KADA Tan Sri Hussein Ahmad berkata peruntukan itu bagi penyediaan infrastruktur pengairan dan saluran seperti tali air konkrit, jalan ladang, struktur kawalan saluran, pintu air dan pembedong jalan.

"Program ini semakin mendapat perhatian dan sambutan dari pemilik tanah terbiar di Kelantan dan sehingga kini seramai 2,620 peserta telah menyertainya," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Ladang Merdeka Manan di Tendong, Pasir Mas di sini, semalam.

Sejak ia dilancarkan beberapa tahun lepas, KADA berjaya membantu memulihkan kira-kira 640 hektar tanah terbiar di Kelantan untuk diusahakan tanaman padi dan sayur-sayuran.

Sebanyak 15 program berkenaan telah diwujudkan di seluruh kawasan seliaan KADA membabitkan kos lebih RM14 juta.

Ladang Merdeka Manan melibatkan sawah padi seluas 37 hektar dengan memberi faedah kepada 187 peserta untuk tanaman padi dua kali setahun dengan kos projek RM614,068.

Hussein berkata beliau akan bertemu dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad atau pemangkunya Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi bagi membincangkan peruntukan tambahan itu.

"Program ini telah membantu para petani yang mempunyai tanah terbiar untuk diusahakan secara berkelompok dengan bantuan penuh dari KADA dan keuntungan hasil akan diterima peserta," katanya.

Beliau berkata KADA kini menggunakan sistem penanaman padi kaedah terkini seperti penyembur racun termoden dan menggunakan mesin penuai padi tercanggih.

"Mesin penuai padi yang ditempah khas dari Thailand ini hanya akan mengalami tumpahan padi sebanyak empat peratus berbanding mesin yang lama iaitu 20 peratus dan ini sudah tentu menguntungkan petani," katanya.

Beliau meminta pemilik tanah terbiar di seluruh Kelantan supaya menyertai program berkenaan yang menguntungkan mereka.

Hussein berkata KADA juga telah mengenal pasti sebuah kawasan di daerah ini untuk program penternakan itik secara komersil tidak lama lagi.

Katanya sebanyak 100,000 ekor itik akan ditenak bagi mendapatkan kira-kira 100,000 telur sehari untuk pasaran dalam negara.

"Ketika ini negara banyak mengimport telur itik dari luar dengan kos RM15 juta setahun dan melalui program ini kos import akan dapat dikurangkan sekali gus menjimatkan perbelanjaan negara," katanya.

Hussein berkata selain penternakan itik, KADA juga akan mengkomersilkan program penternakan ikan air tawar yang ditenak dalam tali air KADA dan penanaman sayur-sayuran.

-- BERNAMA

ZI RAR RHM